

S

27 MAR 2001

Umno-Tangguh

MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL UMNO-PAS DITANGGUHKAN, KATA KHALIL

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Mesyuarat jawatankuasa teknikal Umno-PAS yang dijadualkan hari ini bagi membincangkan persiapan perbincangan perpaduan Melayu telah ditangguhkan sehingga satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata penangguhan itu adalah atas permintaan PAS dalam satu surat yang dihantar melalui faks ke ibu pejabat Umno tengah hari ini.

Surat itu dihantar Setiausaha Agung PAS Haji Nasharuddin Mat Isa kepada Setiausaha Kerja Umno Tengku Datuk Adnan Mansor pada pukul 1.12 tengah hari, katanya kepada Bernama dan RTM di sini.

Mesyuarat yang dijadualkan itu adalah yang ketiga selepas dua pertemuan sebelum ini.

Khalil, yang juga Menteri Penerangan, berkata PAS meminta penangguhan itu kerana beberapa anggota jawatankuasa teknikal daripada parti itu tidak dapat menghadiri pertemuan hari ini.

"Umno akan menunggu tarikh baru daripada PAS bagi pertemuan (mesyuarat jawatankuasa teknikal) itu," katanya.

Khalil berkata sebelum ini Umno tidak menerima sebarang surat rasmi daripada PAS bagi mesyuarat hari ini.

"Saya hanya mendengarnya daripada orang surat khabar kononnya pertemuan ini akan diadakan pada 3.30 petang ini," katanya.

PAS sebelum ini dilaporkan bersetuju untuk meneruskan pertemuan peringkat jawatankuasa teknikal kedua-dua parti itu pada hari ini.

Bagaimanapun ia tetap mahu Umno memenuhi tiga syarat bagi mewujudkan suasana kondusif sebelum pertemuan perpaduan Melayu antara kedua-dua parti itu diadakan.

Syarat-syarat itu ialah royalti minyak dikembalikan kepada kerajaan negeri Terengganu, akhbar rasmi parti itu Harakah dibenarkan diterbitkan dua kali seminggu semula, dan dimansuhkan cadangan melarang penggunaan perkataan "Islam" pada nama pertubuhan termasuk parti politik.

Pertemuan perpaduan Melayu Umno-Pas yang dicadangkan pada 19 Feb lepas telah ditangguhkan oleh PAS sehari sebelumnya dengan alasan parti itu belum menerima maklumat balas mengenai suasana kondusif yang perlu terlebih dahulu diwujudkan serta beberapa perkara teknikal yang belum selesai.

Khalil berkata, mesyuarat jawatankuasa teknikal itu boleh diadakan jika soal kehadiran semua anggota tidak dibangkitkan pada masa hadapan kerana mesyuarat itu tetap boleh diadakan walaupun hanya dihadiri oleh setiausaha agung kedua-dua parti itu.

Masalah itu juga boleh diatasi jika diwujudkan kuorum misalnya tiga daripada enam anggota dan tidak semestinya kesemua enam bagi setiap pihak, katanya.

Beliau berkata permintaan PAS untuk menambah dua orang lagi anggota untuk jawatankuasa teknikal itu menjadikan bilangannya kepada enam dan dipersetujui oleh Umno, nampaknya telah menimbulkan masalah untuk mengadakan mesyuarat.

Ketika ditanya sama ada PAS bersungguh-sungguh untuk mengadakan pertemuan perpaduan Melayu Umno-PAS yang dicadangkan itu, Khalil berkata Umno memang ikhlas untuk mengadakan pertemuan itu.

"Dengan adanya pertemuan itu banyak perkara boleh diselesaikan.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah banyak kali berkata pertemuan ini amat penting dan pendirian Umno ini tidak berubah,"

katanya.

Dr Mahathir sebelum ini telah menegaskan beberapa kali bahawa Umno ikhlas untuk bertemu dan berbincang dengan Pas mengenai perpaduan Melayu dan bersedia berjumpa dengan parti itu pada sebarang tarikh dan tempat yang sesuai bagi Pas.

Perdana Menteri telah berkata bahawa Umno mahu membincangkan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan Melayu seperti hak keistimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam dan bahasa kebangsaan serta status raja-raja Melayu.

Dr Mahathir telah dilaporkan berkata perkara itu penting dibincangkan kerana ada usaha pihak tertentu untuk mencabar kepentingan Melayu, yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, dan parti politik yang mewakili Melayu seperti Umno dan PAS harus mengenyahkan perbezaan politik bagi mempertahankan peruntukan perlembagaan itu.

PAS sebaliknya mahu membincangkan soal perpaduan nasional pada pertemuan itu dan Umno telah menyatakan kesediaan untuk mendengar apa sahaja perkara yang ingin dibawa oleh PAS jika parti itu bersetuju dengan pertemuan itu tanpa sebarang syarat.

Khalil berkata pertemuan perpaduan itu menjadi bertambah penting dalam keadaan orang Melayu berpecah-belah sekarang.

Sementara itu, Presiden PAS Datuk Fadzil Noor ketika ditemui pemberita di lobi Bangunan Parlimen hari ini berkata pertemuan jawatankuasa teknikal ketiga antara PAS dan Umno itu ditangguhkan kerana seorang anggota jawatankuasa PAS berada di luar negeri.

"Saya pun tak dapat maklumat lagi sampai bila ia ditangguhkan," kata beliau ketika ditanya mengenai perkembangan terkini cadangan pertemuan itu.

Beliau bagaimanapun enggan menyatakan nama anggota berkenaan.

Ditanya sama ada PAS akan menggantikan orang lain dalam jawatankuasa itu beliau berkata: "Itu kena tanya Setiausaha Agunglah".

-- BERNAMA

JH SHS HS AFY NMO